

Rakyat Malaysia antara 10 juta dilarang masuk AS jika Trump menang
Free Malaysia Today
Jun 16, 2016

Menurut CNN, sebanyak 40 negara bakal mendapat kesan sekiranya larangan itu direalisasikan dengan kemenangan Trump.

KUALA LUMPUR: Kemenangan calon presiden Amerika Syarikat dari parti Republikan Donald Trump pada pilihan raya presiden November ini mungkin menyebabkan sehingga 10.2 juta orang termasuk rakyat Malaysia dihalang memasuki negara itu, menurut perkiraan CNN.

Ia susulan Trump mengulangi amarannya untuk menggantung kemasukan mereka yang berasal dari bahagian dunia yang “terbukti ada sejarah keganasan menentang Amerika Syarikat, Eropah dan sekutu kita”.

Menurut CNN, sebanyak 40 negara bakal mendapat kesan sekiranya larangan itu direalisasikan dengan kemenangan Trump.

Tahun lalu, Jabatan Negara AS mengeluarkan sebanyak 2,571,762 visa imigran kepada 40 negara ini.

Kerajaan AS juga menganggarkan seramai 7.5 juta pelancong daripada kumpulan negara ini melawat AS pada 2014.

Perkiraan CNN berdasarkan laporan tahunan dikeluarkan Jabatan Negara AS, yang turut menyenaraikan Malaysia di kalangan 12 negara yang dianggap sebagai tempat perlindungan penganas.

Selain Malaysia, turut disenaraikan ialah Somalia, Mali, Libya, Mesir, Iraq, Lubnan, Filipina, Indonesia, Afghanistan, Pakistan and Yaman.

Semua 12 negara itu diberikan sebanyak 496,436 visa pelawat dan 74,283 visa imigran ke AS pada 2015.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/16/rakyat-malaysia-antara-10-juta-dilarang-masuk-as-jika-trump-menang/>